

Headline	Kuala Inisiatif tangani AIDS/HIV, Hepatitis C		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	44	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	58 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,855



Kuala Lumpur

Inisiatif tangani AIDS/HIV, Hepatitis C

Majlis AIDS Malaysia (MAM) bercadang laksana inisiatif lebih berkesan yang bukan sahaja menangani isu HIV/AIDS tetapi juga isu jangkitan Hepatitis C (HCV) di Malaysia memandangkan 50 hingga 67 peratus kekerapan bagi penyakit itu dalam kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.

Setiausaha Kehormat MAM Hisham Hussein berkata, ia adalah peranan

pihaknya untuk menangani ancaman yang dilihat boleh dilakukan menerusi ujian virus HCV bagi penagih.

Katanya, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan tahun lalu, 3,393 kes jangkitan HCV dikenal pasti dan dianggarkan hampir 500,000 rakyat Malaysia menghadapi penyakit HCV secara senyap tanpa mengetahui mereka mempunyai penyakit itu.